

SIARAN AKHBAR

STAKEHOLDER'S ENGAGEMENT ON ECO FOOD WASTE INITIATIVE

Hari Rabu, 19 Mac 2025

19 Mac 2025 - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan telah mengadakan *Stakeholders Engagement on Eco Food Waste Initiative* bersama pengurus-pengurus hotel, restoran-restoran, kafe-kafe dan syarikat-syarikat penyedia makanan (*caterers*) di Dewan Indera Pahlawan, Bangunan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) pada hari Rabu, 19 Mac 2025. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Acara ini merupakan salah satu program di bawah *Eco Food Waste Initiative* yang bertujuan untuk mempromosikan amalan-amalan mesra alam dalam pengurusan sisa makanan, khususnya kepada hotel-hotel, restoran-restoran, kafe-kafe dan syarikat-syarikat penyedia makanan (*caterers*) yang terpilih. Ini juga menjadi titik permulaan yang penting sebagai tanda sokongan dan komitmen terhadap *Eco Food Waste Initiative*, bagi mencapai matlamat inisiatif serta hasrat pihak Kerajaan ke arah pengurusan sisa buangan yang berdaya tahan dan mampan.

Acara ini diisi dengan penyampaian taklimat mengenai *Eco Food Waste Initiative* oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, diikuti dengan pembentangan mengenai proses pengitaran semula sisa makanan kepada produk baja berkualiti tinggi oleh Syarikat Biofield Solutions untuk mendorong masyarakat, khususnya penyedia makanan, agar lebih aktif dalam pengitaran semula sisa makanan.

Acara diteruskan dengan penyampaian poster dan pelekat *Eco Food Waste Initiative* kepada wakil-wakil jemputan dari hotel-hotel, restoran-restoran, kafe-kafe dan syarikat-syarikat penyedia makanan selaku pelaksana *Eco Food Waste Initiative* sebagai tanda sokongan (*pledge*) ke arah mempraktikkan dan membudayakan amalan mesra alam untuk mengurus sisa makanan khususnya dalam penyediaan makanan kepada pelanggan – pelanggan mereka.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dengan kerjasama pihak pengurusan One Riverside juga turut mengagihkan beg-beg guna semula, poster dan pelekat *Eco Food Waste Initiative* kepada restoran-restoran dan kafe-kafe di One Riverside untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai inisiatif tersebut.

Bagi maklumat lanjut mengenai *Eco Food Waste Initiative*, orang ramai bolehlah menghubungi pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi di talian **2241262**, atau melalui emel ke **jastre.brunei@env.gov.bn** atau melayari laman sesawang rasmi Jabatan di **www.env.gov.bn**. Orang ramai juga boleh mengikuti *Instagram* rasmi Jabatan di **@jastre.bn** bagi mendapatkan maklumat terkini.

- TAMAT -

Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

Kementerian Pembangunan

E-mel: **jastre.pcd@env.gov.bn**

Rujukan: JASTRE/AS/WAS/EFWI-PT1

Pegawai Fokal:

- 1) **Haji Mohammad Ramzan bin Haji Rahman** (+673 8875950 / ramzan.rahman@env.gov.bn)
- 2) **Rodziah binti Haji Adnan** (+673 8637017 / rodziah.adnan@env.gov.bn)
- 3) **Hajah Ummi Farhanah binti Haji Talipudin** (+673 7370965 / farhanah.talipudin@env.gov.bn)



جاپتن عالم سڪيٽر ٽامن دان ريڪرياسي
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT, PARKS AND RECREATION
MINISTRY OF DEVELOPMENT | BRUNEI DARUSSALAM

PRESS RELEASE

STAKEHOLDER'S ENGAGEMENT ON ECO FOOD WASTE INITIATIVE

Wednesday, 19 March 2025

19 March 2025 - The Department of Environment, Parks and Recreation, Ministry of Development organized the Stakeholders Engagement on Eco Food Waste Initiative with hotel managers, restaurants, cafes and food catering companies at Dewan Indera Pahlawan, Bangunan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) on Wednesday, 19 March 2025. Present as the Guest of Honour was Yang Mulia Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, Director of Environment, Parks and Recreation.

This event is one of the programs under the Eco Food Waste Initiative to further promote eco-friendly practices in managing food waste, especially to selected hotels, restaurants, cafes and food catering companies. It also represents a crucial starting point. This is a sign of support and pledge towards the Eco Food Waste Initiative, in an effort to achieve the initiative's goals and the Government's aspiration towards resilient and sustainable waste management.

The event featured a presentation on the Eco Food Waste Initiative by the Department of Environment, Parks and Recreation, followed by a presentation on the process of recycling food waste into good quality fertilizer products by Biofield Solutions. This was aimed at encouraging the community, especially food providers, to be more active in food waste recycling.

The event continued with the distribution of Eco Food Waste Initiative posters and stickers to representatives of invited hotels, restaurants, cafés and food catering companies to be actively participating in the initiative. This gesture served as symbolic pledge demonstrating their commitment to adopting and promoting eco-friendly practices in food waste management, particularly in food preparation for their customers.

The Department of Environment, Parks and Recreation, in collaboration with the management of One Riverside, also distributed reusable bags, posters and stickers of Eco Food Waste Initiative to restaurants and cafés within One Riverside to raise public awareness on the initiative.

For more information on the Eco Food Waste Initiative, the public can contact the Department of Environment, Parks and Recreation at **2241262**, or via email at **jastre.brunei@env.gov.bn**; or visit the Department's official website at **www.env.gov.bn**. The public can also follow the Department's official Instagram at **@jastre.bn** for any latest information.

- END -

Prepared by:

Department of Environment, Parks and Recreation

Ministry of Development

Email: **jastre.pcd@env.gov.bn**

Reference: JASTRE/AS/WAS/EFWI-PT1

Focal Officers:

- 1) **Haji Mohammad Ramzan bin Haji Rahman** (+673 8875950 / ramzan.rahman@env.gov.bn)
- 2) **Rodziah binti Haji Adnan** (+673 8637017 / rodziah.adnan@env.gov.bn)
- 3) **Hajah Umami Farhanah binti Haji Talipudin** (+673 7370965 / farhanah.talipudin@env.gov.bn)